

Newspaper	Berita Harian
Date	5/3/2013

2 NASIONAL

© SELASA 5 MAC 2013

BH

Wartawan M Thillinadan, Veena Rusli, Hassan Omar, Wan Faizal Ismayatim, Suzianah Jiffar, Amin Ridzuan Ishak, Safeek Affendy Razali, Mohd Izham Unnib Abdullah, Poliana Ronnie Sidom, Willie Jude Junaidi dan A Samad Manaf
bhnews@bharian.com.my Jurugambar: Zainal Abd Halim, Datu Ruslan Sulai, Edmund Samunting, Zunnur Al-Shafiq, Mohd Radzi Bujang, Malai Rosmah Tuah, Osman Adnan dan Mohd Adam Arinin



Najib bersama Muhyiddin dan Dr Mahathir menyambut ketibaan jenazah Allahyarham Superintendan Ibrahim Lebar dan Lans Koperal Mohd Azrol Tukiran di Pangkalan Udara Subang, semalam.

Naik pangkat serta-merta

BH - 5/3/2013

» Kenaikan ringan beban ahli keluarga

► Subang Jaya

Enam pegawai dan anggota polis yang terkorban dalam tragedi berdarah di Kg Sri Jaya Siminul, Semporna, malam kelmarin dinaikkan pangkat berkuat kuasa serta-merta.

Ia diumumkan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar selepas dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi

mengiktiraf pengorbanan mereka.

Khalid berkata, kenaikan pangkat itu diharap membantu meringankan beban kewangan isteri dan anak wira negara yang sanggup menepikan kepentingan peribadi untuk melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam.

"Perdana Menteri memaklumkan kepada saya perkara ini sejurus beliau tiba di Pangkalan Udara Subang, semalam bagi menyambut ketibaan jenazah Allahyarham Superintendan Ibrahim Lebar dan Lans Koperal Mohd Azrol Tukiran.

Setimpal komitmen tinggi

"Beliau turut meminta agar kenaikan pangkat disejajarkan setimpal dengan komitmen tinggi dan keberanian semua pegawai dan anggota polis terbabit memburu kumpulan penceroboh hingga mengorbankan nyawa mereka," katanya semalam.

Selain Ibrahim, 52, dari Cawangan Khas Bukit Aman dan Mohd Azrol, 27, dari Batalion 14 PGA Tawau, turut terkorban ialah Asisten Superintendan Michael Padel, 36, (Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Semporna), Sarjan Baharin Hamid (Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah) dan Koperal Salam Togiran, 42, (IPD Tawau).

Jenazah Ibrahim dan Mohd Azrol diterbangkan dari Tawau ke ibu negara menggunakan pesawat C-130 Hercules TUDM dan tiba di ibu negara jam 6.45 petang sebelum masing-masing dikebumikan di Tanah Perkuburan USJ 20, Subang Jaya dan Tanah Perku-



buran Islam Jalan Shapadu, Kampung Rantau Panjang, Klang, malam tadi.

Selain Najib dan Datin Seri Rosmah Mansor, turut menyambut ketibaan jenazah ialah Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Khalid juga berkata, PDRM dan kerajaan sedang mengusulkan bantuan lain kepada isteri dan anak serta keluarga mereka.